

1. Kedah
2. Kelantan
3. Kuala Lumpur
4. Melaka
5. MRSM/Julai
6. N9
7. Perak
8. Perlis
9. P. Pinang
10. JPN Sabah
11. Sarawak
12. MPP3 Terengganu
13. Johor , JB
14. Johor , Pasir Gudang 1
15. Johor , Pasir Gudang 2
16. Johor , Tangkak
17. Johor , Kluang
18. Sabah , KK
19. Johor , Kulai
20. Kelantan , YIK
21. Selangor Set 1
22. Selangor Set 2
23. Selangor Set 3

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi ayat.*

Dalam iklan raya Elrah memaparkan ibu Helmi hanya mengasihi dan menyayangi anak-anak yang lain dan tidak menunjukkan kasih sayangnya terhadap Helmi. Hal ini terjadi mungkin kerana rupa dan perangai Helmi mirip bekas suami yang dibencinya menyebabkan ibu Helmi sukar menerima Helmi. Sebenarnya, dalam doanya, ibu Helmi sentiasa mengharapkan hubungan dia dengan Helmi kembali pulih. Akhirnya doa ibu Helmi dimakbulkan dan mereka kembali berbaik-baik. Helmi disayangi oleh ibunya dengan sepenuh hati seperti anak-anak yang lain.

[6 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

- i) pilih kasih / berat sebelah
- ii) salin tak tumpah
- iii) buang yang keruh, ambil yang jernih
- iv) bagai menatang minyak yang penuh

Nota: Berikan **2 markah** untuk setiap peribahasa yang tepat

[Maksimum: 6 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan teliti. Isikan tempat kosong yang terdapat dalam perenggan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.

Isu atau masalah kesihatan mental serta tekanan emosi adalah antara isu kesihatan awam yang semakin membimbangkan terutamanya selepas pandemik COVID-19. Hal ini terbukti apabila statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial meningkat lima kali ganda pada tahun 2022 berbanding tahun 2020. Statistik ini menunjukkan keadaan yang amat mencemaskan seperti.....(i).....kerana masalah kesihatan mental akan menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang individu. Selain itu, permasalahan kesihatan mental di Malaysia turut dikaitkan dengan tingkah laku bunuh diri iaitu terdapat 1,142 kes dilaporkan pada tahun 2021. Isu ini tidak boleh dipandang enteng oleh semua pihak. Sebelum terlambat, usaha mengawal masalah ini harus dilaksanakan dengan segera sebagaimana kata peribahasa.....(ii).....

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kesihatan Mental di Malaysia Semakin Membimbangkan'
oleh Raihan Mokti,
Laman Web Rasmi MKN, 13 April 2023

[4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai

- (i) telur diujung tanduk / retak menanti belah / nyawa bergantung di hujung kuku (rambut)
- (ii) sediakan payung sebelum hujan / mencegah / cegah sebelum parah / mencegah lebih baik daripada mengubati / merawat

[maksimum : 4 markah]

Nota: Jawapan mesti mengikut urutan

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Adam dan Haziq merupakan sahabat akrab seperti isi dengan kuku. Namun begitu, hubungan mereka semakin renggang. Sikap Adam menjadi dingin setelah Haziq mendapat jawatan sebagai ketua pengawas di sekolah. Namun demikian, keakraban mereka sebagai sahabat menjadikan perbalahan mereka tidak kekal lama.

Sebelum ini, hubungan mereka menjadi retak kerana ada musuh dalam selimut yang cuba merosakkan hubungan mereka berdua, sehingga Adam mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai pengawas sekolah. Setelah mereka saling bermaafan, hubungan mereka bagai aur dengan tebing untuk menjadi pengawas contoh di sekolah dan ikon kepada murid-murid lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cabaran Hidup Mendewasakan Diri'
oleh Abu Hassan Morad,
Dewan Siswa, Bil.03/2020

[6 markah]

[Maksimum : 7 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

1. seperti isi dengan kuku
- bagai dakwat dengan kertas
2. musuh dalam selimut
- api dalam sekam

- gunting dalam lipatan

3. bagai aur dengan tebing

- berat sama dipikul ringan sama dijinjing
- hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- serumpun bak serai, sesusun bak sirih
- ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni/bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- bulat air kerana pemetung bulat manusia kerana muafakat/muafakat membawa berkat

****Terima mana-mana jawapan yang sesuai**

[Maksimum : 6 markah

5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian beri **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Ketua kampung itu menasihati para penduduk kampung agar hidup seperti serumpun bak serai sesusun bak sirih jika mahu hidup dalam suasana tenang dan harmoni. Beliau percaya bahawa prinsip usaha tangga kejayaan sangat penting dalam memajukan kampung mereka. Selain itu, beliau menyeru agar semua penduduk kampung menjaga kerukunan hidup bermasyarakat. Oleh itu, mereka perlu menjaga tutur kata kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) seperti serumpun bak serai sesusun bak sirih 1
: bagai aur dengan tebing / bagai aur bergantung ke tebing, bagai tebing
bergantung ke aur 1
- (ii) usaha tangga kejayaan 1
: di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / kalau tidak dipecahkan ruyung,
manakan dapat sagunya / genggam bara api biar sampai jadi arang / alang-alang
mandi biar basah / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang menyeluk
pekasam biar sampai ke pangkal lengan 1
- (iii) terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya 1
: kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa 1

[Maksimum : 6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Pada zaman penjajahan, masyarakat berpegang pada prinsip bersatu padu ibarat _____. Penderitaan dan pelbagai kesusahan yang menimpa sedikit pun tidak melunturkan semangat mereka. Walaupun ada pejuang negara yang ditangkap dan dituduh sebagai pengkhianat, mereka tetap menentang penjajah. Dengan berpegang pada prinsip _____ mereka terus berjuang hingga titisan darah yang terakhir.

[4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa	Markah
Bersatu teguh, bercerai roboh/ bersatu kita teguh, bercerai kita roboh/ muafakat membawa berkat/ telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semuanya/ seperti telur dua sebandung, pecah satu pecah keduanya/ seikat bagai sirih, serumpun bagai serai/ kuat lilit kerana simpulnya Maksud: Persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan akan menyebabkan perpecahan	[2 markah]
Biar putih tulang, jangan putih mata/ daripada hidup bercermin bangkai, lebih baik mati berkalang tanah/ daripada hidup bergelumang tahi, baik mati bertimbun bunga. Maksud: Lebih baik mati daripada menanggung malu	[2 markah]

[Maksimum: 4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Sukan SEA (SouthEast Asian Games) merupakan sukan dwitahunan yang menghimpunkan atlet daripada 11 buah negara di Asia Tenggara. Penganjuran sukan ini menjadi wadah untuk memperkukuh hubungan negara-negara terlibat sejajar dengan peribahasa _____(i)_____.

Selaku tuan rumah penganjuran Sukan SEA edisi ke-29, negara kita turut melakar sejarah tersendiri semasa upacara pembukaan kerana mempamerkan keunikan kepelbagaian budaya dan bangsa di Malaysia dengan menggabungkan elemen teknologi pencahayaan diod pemancar cahaya (LED). Kejayaan ini meletakkan negara kita _____(ii)_____ dengan negara-negara penganjur sukan dunia yang lain.

[4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

1. i)Seikat bak/bagai sirih, serumpun bak/bagai serai [2 markah]
 - Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai [2 markah]
 - Serangkap bak lembing, serumpun bak serai [2 markah]
 - Serumpun bagai serai, selubang/seliang bagai tebu [2 markah]
- ii)Bagai aur dengan tebing [2 markah]

Maksud : semangat kerjasama dan bersatu padu dalam semua perkara.

2. -Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi [2 markah]
 - Bersukat sama paras, bertimbang sama berat [2 markah]

Maksud : sama taraf; kedudukan yang setara.

[Maksimum: 4 markah]

- 5** *Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan tiga peribahasa dalam petikan tersebut kemudian berikan peribahasa lain yang hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama bagai aur dengan tebing. Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan cepat kaki ringan tangan untuk menempa kecemerlangan kerana jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Kita sedia maklum bahawa, resipi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa hampir sama maksud

(i) bagai aur dengan tebing	1
bagai isi dengan kuku/bagai dakwat dengan kertas	1
(ii) cepat kaki ringan tangan	1
ringan tulang/habis kapak berganti beliung	1
(iii) jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya	1
Berakit-rakit ke hulu berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian/pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang/ usaha tangga kejayaan	1
(iv) bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	1
Bulat kata/Muafakat membawa berkat	1

[Maksimum : 6 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian isi tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Tugas anggota bomba* yang diketahui oleh kebanyakan orang adalah untuk memadamkan kebakaran. Selain itu, pihak bomba mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran supaya masyarakat sentiasa _____ (i) _____. Tugas-tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang lain termasuklah melakukan kerja-kerja menyelamatkan mangsa runtuh bangunan dan mangsa yang lemas. Tugas mereka _____ (ii) _____ perlulah dihargai. Masyarakat tidak sepatutnya membuat panggilan palsu. Dalam hal ini, kerjasama yang erat antara masyarakat dengan pihak bomba perlu diperkukuh kerana _____ (iii) _____.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sedia Menyelamat'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | sediakan payung sebelum hujan | 2 |
| (ii) | seperti bergantung di hujung kuku / seperti telur di hujung tanduk | 2 |
| (iii) | ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni / bulat air kerana pembetung,
bulat kata kerana muafakat / bagai aur dengan tebing | 2 |

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

5 *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan pernyataan yang diberikan.*

- (i) Setelah kematian suaminya, Puan Senah yang tidak bekerja tetap meneruskan kehidupan dengan menjaga anak-anaknya dengan baik walaupun terpaksa meminta bantuan daripada penduduk kampung.
- (ii) Keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang memerlukan orang ramai berjimat cermat dan membeli barang-barang kegunaan harian mengikut keperluan sahaja.
- (iii) Daniel kebingungan apabila sampai di bandar raya Johor Bahru kerana dia tidak pernah menjejakkan kaki di situ.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) Patah sayap bertongkat paruh / bagai layang-layang putus tali / sudah sekah tempat bergantung
- (ii) Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis / ukur baju di badan sendiri
- (iii) Seperti rusa masuk kampung

[Maksimum : 6 markah]

5. *Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Hubungan antara Jason dan Azri sangat akrab. Mereka berdua berkawan sejak kecil lagi. Kadangkala mereka dilihat seolah-olah macam adik-beradik. Mana tidaknya, rumah Jason dan Azri sebelah-menyebelah sahaja.

Ibu bapa mereka saling mengenali antara satu sama lain sejak dari dulu. Ayah Jason dan Azri serta beberapa orang penduduk sering bekerjasama melakukan rondaan di kawasan perumahan mereka. Pada waktu tersebut, kegiatan kecurian sangat kerap berlaku, ada dalam kalangan penduduk taman yang kehilangan harta benda akibat kecurian dan pecah rumah.

Kini, suasana sebegitu tidak lagi kelihatan, penduduk taman ini sudah bertukar generasi dan ada antaranya telah menjual rumah kepada orang lain. Masing-masing sibuk dengan urusan harian. Jiran sebelah rumah pun ada yang tidak kenal.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa berdasarkan situasi.

- (i) Bagai isi dengan kuku
- (ii) Bagai aur dengan tebing
- (iii) Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

[Maksimum: 6 markah]

Nota: Jawapan mesti mengikut situasi/urutan.

5 *Isi tempat kosong yang terdapat dalam perenggan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.*

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Kaum-kaum utama seperti Melayu, Cina dan India dapat hidup dalam keadaan harmoni kerana rakyatnya mengamalkan hidup _____. Semua masyarakat di negara ini mengamalkan konsep perpaduan kaum dan bukan bersikap _____ untuk mengelakkan perpecahan kaum. Oleh itu, perpaduan nasional harus menjadi misi penting supaya Malaysia setanding dengan negara-negara lain.

[4 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

Peribahasa	
1.	serumpun bak serai, sesusun bak sirih
2.	seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

[4
markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian berikan peribahasa yang **sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Kepulangan Nizam ke kampung halamannya setelah merantau ke Jepun lebih dari 15 tahun diibaratkan gagal pulang ke benua. Nizam berhijrah ke Jepun kerana beliau kecewa akan sikap adik-beradikinya yang menyalahkan dirinya apabila perniagaan keluarga mereka bankrap. Pada saat itu, perasaan Nizam bagai kaca retak seribu kerana amat sedih dengan tuduhan adik-beradikinya itu. Namun begitu, Nizam mulai insaf dan menyedari bahawa air dicencang tak akan putus. Nizam terpaksa beralah demi memastikan hubungan adik-beradikinya tidak putus.

[4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Perhatian bagi Soalan 5

1. Berikan **1 markah** bagi setiap peribahasa yang disenaraikan dengan tepat.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap peribahasa yang **sama maksud** yang dinyatakan dengan tepat.

BIL.	PERIBAHASA DALAM PETIKAN		PERIBAHASA SAMA MAKSUD
1.	gagak pulang ke benua	-	✓ belut pulang ke lumpur ✓ ikan pulang ke lubuk ✓ Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau
2.	bagai kaca retak seribu	-	✓ Seperti kaca terhempas ke batu
3.	air dicencang tak akan putus	-	✓ Carik-carik bulu ayam, lama-lama / akhirnya bercantum juga / jua

[Maksimum: 4 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian, nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi dalam petikan tersebut.*

Pada zaman penjajahan, semua penduduk bersatu hati menentang penjajah sehingga negara mencapai kemerdekaan. Sekalipun mereka menghadapi pelbagai kesusahan tetapi hal itu tidak melunturkan semangat mereka kerana situasi itu sudah dilalui mereka sepanjang masa dan menjadi lumrah hidup. Walaupun ada pejuang yang ditangkap dan dituduh sebagai penderhaka, mereka terus berjuang tanpa mengenal erti putus asa sehingga lebih rela mati daripada hidup sebagai abdi di tanah air sendiri. Perjuangan perlu diteruskan supaya kita tidak menyesal pada kemudian hari.

[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

1. bersatu kita teguh bercerai kita roboh / ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni/ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing/ bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat
2. alah bisa tegal biasa/ habis geli oleh geletek, habis rasa oleh biasa/ habis miang kerana bergeser
3. biar putih tulang, jangan putih mata/ lebih baik berputih tulang daripada berputih mata/ daripada hidup bergelumang tahi, baik mati bertimbun bunga/ daripada hidup bercermin bangkai lebih baik mati berkalang tanah
4. sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna/ nasi sudah menjadi bubur

(6 markah)

5. Peribahasa

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Dalam kehidupan di sesebuah kawasan perumahan, kita harus saling membantu dan bekerjasama antara satu sama lain. Amalan seumpama ini dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang tidak menghiraukan jiran tetangga dan lebih memilih untuk hidup bersendirian. Sepatutnya, kita perlu menjalin hubungan yang mesra dengan jiran supaya sesuatu masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijak tanpa merugikan mana-mana pihak.

[6 markah]

Dipetik dan diubah suai daripada
'Program Interaksi KPM Masyarakat
Oleh Wan Nur Zuhaira Ali
Majalah Pendidik 2018

Soalan 5 – Peribahasa

- 1 Bagai aur dengan tebing
- 2 Kera sumbang
- 3 Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan
 tepung tidak berselerak
 Ular biar mati, tanah jangan lekuk, buluh jangan pukah

(6 markah)

5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang menggambarkan situasi dalam petikan di bawah.

Aliya : Kak Mira, bolehkah kakak berkongsi tentang pengalaman kakak ketika belajar di luar negara?

Mira : Boleh, Aliya. Ketika mula-mula sampai di Universiti di Melbourne, Australia, kakak _____ (1) _____ kerana perbezaan budaya dan bahasa.

Aliya : Pasti banyak perkara baru yang dapat kakak pelajari.

Mira: Sudah tentu, Aliya. Sebagai anak dagang, kita hendaklah bijak menyesuaikan diri dengan keadaan di sana kerana _____ (2) _____

Aliya : Seronoknya jika saya dapat menyambung pelajaran di sana.

Mira: Tentulah, Aliya. Namun begitu, menyambung pelajaran di dalam negara juga ada kelebihan kerana _____ (3) _____ .

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | seperti rusa masuk kampung | 2 |
| (ii) | masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak | 2 |
| (iii) | hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri | 2 |

[Maksimum : 6 markah]

- 5 *Baca petikan situasi di bawah dengan teliti dan kemudian senaraikan **dua peribahasa** dan **maksud setiap peribahasa** tersebut.*

Dalam kehidupan di sesebuah kawasan perumahan kita harus bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Amalan seumpama ini dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat pada hari ini tidak menghiraukan jiran tetangga dan lebih selesa hidup bersendirian. Mereka memberikan pelbagai alasan termasuklah kesibukan bekerja. Sepatutnya, dalam kehidupan bermasyarakat kita perlu menjalin hubungan mesra dengan jiran supaya sesuatu masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijak tanpa menyinggung mana-mana pihak.

[4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) bagai aur dengan tebing
 - **Tolong-menolong/bekerjasama di antara satu sama lain.**

- (ii) bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
 - **Mementingkan diri sendiri**
 - **Tidak bersepakat / Tiada permuafakatan dalam masyarakat atau sesuatu perbincangan**

- (iii) ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak
 - **Apabila membuat kerja mesti berhati-hati dan adil**
 - **Menyelesaikan suatu masalah dengan cara yang bijaksana**

[Maksimum: 4 markah]

SOALAN 5

*Baca petikan di bawah . Senaraikan **dua peribahasa** yang terdapat dalam petikan dan **bina ayat** yang sesuai menggunakan peribahasa-peribahasa tersebut.*

Kes-kes kemalangan jalan raya sering berlaku semasa musim perayaan. Malang tidak berbau, keseronokan masyarakat semasa balik ke kampung masing-masing tidak kesampaian kerana terlibat dengan kemalangan jalan raya. Tragedi ini telah menjadi sinonim dengan masyarakat kita sehinggakan polis trafik perlu menjalankan operasi setiap kali perayaan dan mengingatkan pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati bagi memastikan pengguna jalan raya tidak memandu secara berbahaya kerana pandu cermat jiwa selamat. Oleh itu, kita seharusnya sediakan payung sebelum hujan dengan mengetahui cara-cara menangani kemalangan jalan raya.

[4 markah]

Soalan 5 : PERIBAHASA

1. Malang tidak berbau

Ayat : Kita perlulah sentiasa berhati-hati ketika memandu kerana malang tidak berbau, kecuai pemandu lain boleh menyebabkan kemalangan berlaku.

1. 2. Pandu cermat jiwa selamat

Usaha menangani peningkatan kes kemalangan jalan raya di Malaysia akan tercapai sekiranya rakyat sentiasa mengamalkan slogan pandu cermat jiwa selamat.

1. 3. Sediakan payung sebelum hujan

Sikap cikgu Dayang yang selalu membuat kuiz secara mengejut menyebabkan murid-muridnya sentiasa bersedia bak kata peribahasa sediakan payung sebelum hujan.

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan tersebut.*

Aku dan Shamira bersahabat baik sejak kecil. Aku mempercayai dirinya dan sangat yakin bahawa dia akan menyimpan rahsiaku. Namun, telahanku silap. Shamira telah menceritakan rahsia peribadiku kepada orang lain sedangkan sebelum ini dia pernah berjanji untuk menyimpan rahsia tersebut. Betullah kata orang tua-tua bahawa kita tidak boleh menyamakan orang lain seperti diri kita. Aku sangat kecewa dengan sikap Shamira tersebut. Kini, mungkin Shamira telah berubah. Sungguhpun begitu, aku tidak akan mempercayainya lagi.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa Peribahasa berdasarkan situasi

- (i) harapkan pagar, pagar makan padi / pancing makan umpan / sokong membawa rebah /
telunjuk mencocok @ menikam mata / tongkat membawa rebah.
 - orang yang kita percayai, berkhianat kepada kita

- (ii) Mulut tempayan
 - tidak dapat menyimpan rahsia

- (iii) rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan
 - tiap-tiap orang berlainan pendapatnya

- (iv) nasi sudah menjadi bubur / apa boleh buat, sakit menimpa sesal terlambat
 - sudah terlanjur, tidak boleh diubah lagi.

- (v) Bagai kaca terhempas ke batu
 - Sangat sedih/ kecewa

- (vi) Bagai isi dengan kuku
 - Persahabatan yang sangat akrab

[Maksimum : 6 markah]

5 Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Anis : Sedapnya karipap ini. Pandai kamu membuatnya, Ummi.

Ummi : Terima kasih, Anis. Biasa-biasa saja karipap ini. Lagipun saya membuat karipap ini sambil menemani ibu memasak di dapur semalam, umpama sambil menyelam, minum air katakan.

Anis : Sememangnya kamu mewarisi kepakaran daripada ibu kamu Umami. Ibu kamu memang pakar dalam bidang masakan kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, kan.

Ummi : Mungkin juga tu. Eh, kita asyik berbual-bual saja! Marilah kita ke bilik guru, tentu Cikgu Norma sudah lama menunggu kita untuk menghias pusat sumber sekolah.

Anis : Eh, betul! Marilah kita sama-sama membantu Cikgu Norma kerana banyak yang perlu dibuat di pusat sumber sekolah kita tu, maklumlah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

[4 markah]

SULIT

PRC YIK 2024 B MELAYU K2 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Soalan 5 – Peribahasaera

- (i) sambil menyelam, minum air-
 - belayar sambil memapan, merapat sambil belayar
 - berkayuh sambil bertimba
 - berkayuh sambil ke hilir
 - sambil berdendang, biduk hilir
 - sambil berdiang, nasi masak
 - sekali membuka pura, dua tiga hutang terbayar
 - sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau
- (ii) ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi- bagaimana acuan, begitulah kuihnya
 - bapa borek, anak rintik
- (iii) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing- Hidup sandar-menyandar,
 - bagai aur dengan tebing,
 - Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat
 - Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
 - Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai
 - Terendam sama basah, terampai sama kering

[Maksimum : 4 markah]

5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Lengkapkan petikan ini dengan **peribahasa** yang sesuai.*

Menimba ilmu amat penting kepada setiap insan. Namun begitu, sesuatu yang harus kita ingati selalu ialah kita perlu berguru dengan orang yang betul-betul ahli atau pakar dalam sesuatu bidang ilmu, bak kata peribahasa, _____(i)_____. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya orang yang betul-betul bijak yang dapat menilai sesuatu benda atau perkara dengan baiknya, umpama peribahasa, _____(ii)_____. Walau bagaimanapun, seperkara yang harus kita jadikan pegangan pula ialah sesudah kita memperoleh ilmu yang banyak dan berpangkat tinggi, janganlah sekali-kali kita bersikap angkuh. Sebaliknya, kita harus _____(iii)_____.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- | | | |
|-------|---|---|
| (i) | hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai | 2 |
| (ii) | hanya jauhari mengenal manikam/ jauhari jua yang mengenal manikam | 2 |
| (iii) | ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk | 2 |

[Maksimum : 6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Sebagai rakyat yang berintegriti, kita perlu memastikan bahawa sewaktu kita menjalankan tugas, tiada jalan pintas untuk mencapai matlamat, sebaliknya kita harus bekerja umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung. Walau bagaimanapun, sesetengah individu terlalu menitikberatkan kesempurnaan. Mereka senantiasanya meletakkan harapan yang terlalu tinggi dan berdoa semoga semua yang diperoleh adalah yang terbaik dan tiada sedikit pun cacat cela. Padahal, kita perlulah sedar bahawa gading mana yang tidak retak.

[4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

(i) **Jalan pintas**

Maksud:

- cara singkat tanpa melalui semua peringkat untuk mencapai sesuatu 1
- kaedah yang mudah dan cepat 1
- laluan cepat 1

(ii) **umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung**

Maksud:

- Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya. 1
- Setiap perkara yang kita lakukan mestilah mengikut turutan, iaitu peringkat demi peringkat 1

(iii) **gading mana yang tidak retak**

Maksud:

- tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna 1

[Maksimum: 4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Tok Batin telah menceritakan adat perkahwinan suku kaum Temuan kepada kami. Menurut Tok Batin, adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung. Walaupun masyarakat kita sudah semakin moden, kita masih seharusnya mematuhi adat dan tatacara budaya yang kita warisi daripada masyarakat terdahulu. Usaha untuk melestarikan warisan bangsa kita sendiri pula merupakan tanggungjawab bersama setiap individu. Jika berlakunya apa-apa permasalahan, kita semua seharusnya menggalas kewajipan, sakit sama mengaduh, luka sama menyuik. Oleh sebab itu, sangat penting untuk kita terus mempertahankan adat dan budaya warisan kita supaya warisan tersebut tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

	Markah
(i) adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	1
Maksud	
- tiap-tiap perbuatan ada adat dan aturannya	1
- tiap-tiap negeri atau tempat mempunyai kebiasaan atau adatnya masing-masing	1
- setiap tempat ada adat atau amalan tersendiri	1
(ii) sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	1
Maksud	
- sama-sama bertanggungjawab	1
- sama-sama memikul kewajipan	1
- sama-sama menghadapi cabaran	1
(iii) tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	1
Maksud	
- kekal dan tidak berubah	1
- kekal selama-lamanya	1
- tidak hilang selama-lamanya	1

[Maksimum : 6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian berikan satu peribahasa lain yang sama atau hampir sama maksud dengan setiap peribahasa yang disenaraikan.*

Pendidikan adalah teras kemajuan negara bangsa. Institusi sekolah menjadi asas kepada pembentukan seorang insan yang berjaya. Menghargai dan menghormati guru menjadi kewajipan kepada setiap orang dan janganlah sesekali menjadi seperti ulat lupa kan daun yang meminggirkan jasa dan pengorbanan mereka. Jalinan hubungan yang erat antara para pendidik dan pelajar serta sikap bekerjasama bagai air dengan tebing amat penting dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara. Oleh itu, setiap warga sekolah haruslah berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam apa-apa jua bidang untuk membangunkan negara kerana usaha tangga kejayaan.

[6 markah]